



Dasar Kualiti Global

Kualiti merupakan teras "Strategi Premium" Pirelli, iaitu gandingan teknologi termaju dan kecemerlangan produk, dan pelaksanaan kualiti dicapai melalui:

- Harapan dan pemenuhan jangkaan pihak berkepentingan dalaman dan luaran di seluruh dunia, menerusi tahap kecekapan dan profesionalisme warga kerja yang tinggi serta ciri pelbagai budaya Kumpulan Pirelli;
- Keselamatan, keandalan dan prestasi tinggi produk dan perkhidmatan kita, dengan memastikan pematuhan kepada peraturan semasa dan standard kebangsaan serta antarabangsa yang paling tinggi;
- Pembangunan dan inovasi yang berterusan untuk produk, perkhidmatan, proses dan sistem, demi memastikan kecemerlangan di samping memenuhi kepuasan pelanggan;
- Penerapan budaya korporat Kumpulan dalam kalangan komuniti dalaman dan luaran, iaitu budaya yang berorientasikan kualiti dan etika, serta dikongsi dengan semua Pihak Berkepentingan menerusi komunikasi yang berterusan dan terfokus, latihan dan aktiviti motivasi;
- Interaksi berterusan, respons yang cepat dan kerjasama dengan pembekal dan pelanggan, yang dianggap sebagai rakan kongsi pembangunan bersama dan strategik untuk memenuhi jangkaan pasaran dan pelanggan;
- Perlindungan kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan di tempat kerja, selain memastikan pemuliharaan alam sekitar dalam seluruh kitaran hayat produk.

Standard kualiti Kumpulan Pirelli dilaksanakan melalui sistem pengurusan kualiti "menyeluruh" lagi dinamik, yang direka untuk menghindari risiko dan kesan yang tidak diingini, meneroka peluang pembangunan dan menilai pencapaian berkesan sasaran kita, agar penambahbaikan berterusan dan mampan dapat dikekalkan.

Pengurusan Kanan Pirelli memainkan peranan strategik dalam pelaksanaan penuh Dasar ini dengan memastikan penglibatan semua warga kerja dan pihak-pihak yang bekerjasama dengan Pirelli, serta disokong secara berterusan oleh Jabatan Kualiti Kumpulan.

November 2015

NAIB Pengerusi Eksekutif dan CEO

Marco Tronchetti Provera